

# MBB ADAKAN MUZAKARAH PERTAMA



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.**

**BERAKAS**, Ahad, 13 Jun. - Majlis Belia Brunei (MBB) mengadakan muzakarah pertama di antara ahli-ahli dan rakan strategik yang baru dilantik.

Seramai 60 belia yang terdiri daripada 27 pertubuhan belia yang diterajui dari pelbagai sektor dan daerah mengambil bahagian dalam perbincangan tersebut.

Objektif utama muzakarah diadakan adalah untuk pengemaskinian ahli-ahlinya mengenai wakil-wakil majlis baharu, pindaan kepada perlembagaan majlis dan kalender aktiviti belia dan kerjasama penyelaras di antara pergerakan majlis dan belia. Acara diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari juga merupakan Yang Dipertua MBB berkata bahawa peranan MBB



**■ Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei**

adalah untuk menyediakan platform bagi pergerakan belia untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dan untuk menyediakan rangkaian dalam kalangan pertubuhan-pertubuhan belia, agensi kerajaan dan sektor swasta.

Beliau juga berkata bahawa Majlis Belia Brunei komited untuk meningkatkan penyertaan belia dalam gerakan am dan belia

khususnya melalui pelbagai kemajuan dalam dan luar negara termasuk secara maya.

Program ini juga termasuk kajian semula perlembagaan MBB dan juga perbincangan kumpulan dalam tema yang berbeza, seperti masyarakat dan kebajikan, ekonomi, seni kreatif dan keagamaan. Acara diakhiri dengan Sambutan Hari Raya dalam kalangan tetamu jemputan.



**ANTARA** yang hadir pada muzakarah pertama di antara ahli-ahli dan rakan strategik yang baru dilantik, yang diadakan oleh Majlis Belia Brunei (MBB) (kiri dan atas kanan).

## Suntik semangat patriotisme pelajar



**PENOLONG** Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris pada sesi Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan bagi 109 Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi Wasan.

**WASAN**, Sabtu, 12 Jun. - Dalam mematuhi perlembagaan undang-undang negara, menurut Hajah Noorhijrah, ada kalanya kita tidak sedar bahawa kita melanggar undang-undang, seperti ada yang masih merokok, memandu dengan kelajuan melebihi had laju atau kebiasaan menggunakan telefon semasa memandu.

Perkara ini, dijelaskan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris pada sesi Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan bagi 109 Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi Wasan sebagai mengingatkan peranan dan tanggungjawab selaku rakyat Kebawah Duli Yang

**■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyumbang untuk kesejahteraan negara.

Taklimat hari ini, juga turut memfokuskan pada mendaulatkan sistem pemerintahan beraja, tanggungjawab kepada negara dan pemerintah, masyarakat dan keluarga.

Oleh itu, rakyat terutama generasi muda diseru untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat

yang disampaikan.

Program juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Pelajar yang hadir turut berpeluang menguji pengetahuan masing-masing dengan menyertai kuiz secara rambang mengenai sistem pentadbiran negara, sejarah dan pembangunan semasa di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat merupakan kendalian Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik dan program juga akan dilaratkan ke kampus-kampus IBTE yang lain.

## Realisasikan kerjasama, jaringan akademik



**SESI** pembelajaran dan pengajaran disampaikan oleh beberapa profesor dari Graduate School of Engineering dan Graduate School of Pharmaceutical Sciences, Osaka University Jepun dan juga dari universiti tempatan.

**■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 12 Jun. - Dalam merealisasikan kerjasama dan mengukuhkan jaringan akademik di antara Institut Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam, Osaka University Jepun memperkenalkan Program The Osaka University International Certificate yang ditawarkan kepada pelajar siswazah ketiga universiti tempatan Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Program ini merupakan salah satu program yang ditawarkan di bawah Osaka University ASEAN Joint Campus yang sebelum ini sudah ditawarkan di beberapa negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia dan Viet Nam.

Program ini telah bermula pada bulan November yang lepas dan akan berakhir pada bulan Ogos 2021. Memandangkan situasi pandemik COVID-19 belum reda pelajar-pelajar tersebut mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian.

Seramai 19 pelajar siswazah daripada UNISSA sedang mengikuti program tersebut yang diadakan menggunakan aplikasi Zoom.

Sesi pembelajaran dan pengajaran disampaikan oleh beberapa profesor dari Graduate School of Engineering dan Graduate School of Pharmaceutical Sciences, Osaka University Jepun dan juga dari Universiti tempatan.

Antara tajuk yang disampaikan adalah mengenai Halal Science, Advance Technology seperti Biotechnology, Nanotechnology, Biodiversity dan Bioresources dan juga mengenai dalam aspek Product and Service Innovation for Halalan Thayyiban yang membincangkan mengenai supply chain of food dan sustainable consumption.

Pada akhir program ini, semua pelajar siswazah akan menerima sijil dan kredit dari Osaka University Jepun.